



ثجابه ستيأوسها كراجان نكري كلتنن

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim,
15503 KOTA BHARU
KELANTAN.

Tel : 09-748 1957
Pengaruh : 09-748 5826
Faks : 09-747 0890 /
: 747 4152 / 748 2652
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami : SUK.D.200 (06) SULIT 670/3 Jld. III (3)
Bertarikh : 8 Rabiul Awal 1439H
27 November 2017M

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

**Semua Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri**

**Semua Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Berkanun Negeri**

Semua Pengarah Urusetia Kerajaan Negeri

YB. Dato' / YM Dato' Tengku / YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

PERGERAKAN GAJI TAHUN 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pergerakan gaji bagi semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan bagi Tahun 2018 boleh dilaksanakan dengan syarat anggota-anggota **telah menyempurnakan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** masing-masing bagi tahun 2017 dengan menggunakan aplikasi HRMIS dan **disahkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** jabatan masing-masing kecuali bagi anggota-anggota yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran. Dinasihatkan PPSM yang berkenaan supaya memaklumkan bahawa pegawai/ kakitangan yang mendapat markah LNPT di bawah 70% tidak diberikan Pergerakan Gaji Tahunan (PGT).

3. Sekiranya mana-mana anggota **gagal menyempurnakan Borang Laporan Penilaian Prestasi** bagi tahun 2017 dengan menggunakan aplikasi HRMIS tersebut sehingga **15 Januari 2018**, maka **pergerakan gajinya hendaklah tidak diberikan** sehingga anggota berkenaan menyempurnakan borang tersebut dan disahkan melalui PPSM jabatan masing-masing. Bersama-sama ini disertakan contoh surat-surat yang berkaitan untuk rujukan dan tindakan YB. Dato' / YM Dato' Tengku / YBhg. Dato' / tuan / puan selanjutnya.

4. Di atas kerjasama YB. Dato' / YM Dato' Tengku / YBhg. Dato' / tuan / puan dalam perkara ini diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, wassalam.

*** RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT ***
*** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM ***

Dengan hormatnya,



DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT, S.P.S.K, P.J.N, D.P.S.K. (Kelantan)
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Ruj. Kami : SUK.D.200 (06) SULIT 670/3 JLD. III ()
Bertarikh :

(NAMA)
(NO. KAD PENGENALAN)

**KEPUTUSAN PERGERAKAN GAJI TAHUN 2018 PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

Sukacita dimaklumkan bahawa Panel Pembangunan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan yang bersidang pada telah memutuskan tuan/ puan diberi Pergerakan Gaji Biasa bagi Tahun 2018 bersesuaian dengan perenggan 50, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil. 9 Tahun 2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002), Sistem Saraan Malaysia.

2. Sehubungan itu, pentadbiran ini mengucapkan terima kasih di atas prestasi dan perkhidmatan yang telah tuan/ puan sumbangkan sepanjang tahun yang lepas.

3. Pentadbiran ini berharap tuan/ puan dapat terus meningkatkan prestasi cemerlang di masa akan datang demi mengekalkan keutuhan imej Jabatan khasnya dan Perkhidmatan Awam amnya.

Sekian, terima kasih.

RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT

Dengan hormatnya,

DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT, S.P.S.K., P.J.N., D.P.S.K. (Kelantan)
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN